

# Malaysia mahu dagang dengan Jepun dikaji semula — Dr M

MALAYSIA membayangkan kepada Jepun tentang perlunya dikaji semula dan diatasi masalah yang melibatkan perdagangannya dengan Jepun berikutan dengan kenaikan nilai matawang yen berbanding dengan ringgit Malaysia dan dollar Amerika.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, bahawa masalah kemerosotan nilai ringgit dan dollar berbanding dengan matawang yen telah menje-

TOKYO, Isnin.

jaskan dengan serius syarat-syarat perdagangan Malaysia dengan Jepun kerana eksport Malaysia ke negara itu menggunakan dollar Amerika.

Katanya, masalah itu juga melibatkan kerjasama ekonomi dan dua hala antara kedua negara di mana pembayaran dibuat dalam matawang Jepun.

## Dollar Amerika

"Saya telah membayangkan kepada Kerajaan Jepun betapa perlunya dikaji semula dan diselesaikan masalah ini supaya sumbangan yang berkesan dari Jepun tidak akan tergugat akibat masalah-masalah yang timbul dari kenaikan nilai yen," kata

Datuk Seri Dr. Mahathir dalam satu sidang akhbar di sini.

Menjawab beberapa soalan, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai beberapa idea tentang cara-cara mengatasi masalah tersebut.

Bagaimanapun, oleh kerana masalah itu mengenai eksport Malaysia ke Jepun yang menggunakan dollar Amerika dan kredit Malaysia dari Jepun pula menggunakan yen, perkara itu melibatkan perbincangan yang serius dengan pakar-pakar.

Katanya, beliau telah bertukar-tukar pendapat yang berguna mengenai berbagai perkara hubungan dua hala antara Jepun dengan Malaysia dengan Perdana Menteri Takeo Fukuda, Menteri Luar Sunao Sonoda dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Per-

usahaan Toshio Komoto. Beliau menekankan bahawa dengan bertambah beratnya hubungan antara kedua negara, semakin ramai hendaknya rakyat di kedua negara bertukar lawatan supaya mereka lebih memahami antara satu dengan lain terutama sekali diperingkat orang-orang perseorangan.

Yang demikian, tambahnya, perlulah dibuat penilaian ke atas kemudahan-kemudahan yang ada untuk bertukaran lawatan seperti itu dan menilai keperluan bagi mengingat dan meluaskan kemudahan-kemudahan tersebut bagi membolehkan lawatan-lawatan yang lebih mudah dan kerap.

## Keamanan

Beliau berkata, di bidang politik, beliau telah bertukar-tukar pendapat dengan para pemimpin Jepun mengenai pandangan-pandangan terhadap keamanan dan keselamatan di rantau pasifik barat, terutama sekali mengenai perubahan-perubahan pesat yang telah berlaku tahun ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau merasa gembira bahawa Perdana Menteri Jepun dan Menteri Luarnya telah menegaskan azam negara itu untuk memalinkan peranan bagi mewujudkan dan mengekalkan keamanan dan kestabilan antarabangsa.

Mengenai rombongan pelaburan Malaysia ke Jepun, Timbalan Perdana Menteri berkata, sektor swasta Jepun telah memberikan sambutan yang sangat menggalakkan kepada seminar penggalakan pelaburan yang diadakan di sini Rabu lalu dan seminar mengenai perusahaan getah yang diadakan hari ini.

No. Sel. 1459  
No. Pen. 1130/80

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia